

### Pelanggan yang Dihormati,

Helaian Penerangan Produk ini memberikan anda maklumat penting tentang takaful motor anda.

Pelanggan lain telah membaca Helaian Penerangan Produk ini dan mendapati ia membantu; **anda harus membacanya juga.**

Tarikh: 1 Mei 2026

## 1 Apakah itu Takaful myProton e.MAS Care?

**Takaful myProton e.MAS Care** memberikan perlindungan komprehensif kepada kenderaan anda sekiranya berlaku kerugian atau kerosakan akibat kemalangan, kebakaran atau kecurian serta liabiliti kepada pihak ketiga untuk kematian atau kecederaan badan dan kerugian atau kerosakan harta benda.

### Konsep Syariah yang Diguna Pakai:

- **Hibah** merujuk kepada pemindahan hak milik atas satu aset dari penderma kepada penerima tanpa sebarang balasan. Manfaat yang dibayar dari Dana Takaful Am (DTA) adalah berdasarkan Hibah.
- **Ju'alah** merujuk kepada kontrak di mana satu pihak menawarkan ganjaran tertentu kepada pihak lain yang berjaya mencapai hasil yang telah ditetapkan. Peserta membenarkan Syarikat Takaful Malaysia Am Berhad (Takaful Malaysia) untuk menerima sebahagian daripada lebihan boleh agih daripada DTA sebagai insentif prestasi.
- **Qard** merujuk kepada kontrak pemberian pinjaman wang oleh pemberi pinjaman kepada peminjam di mana peminjam itu perlu membayar balik jumlah yang setara kepada pemberi pinjaman. Takaful Malaysia akan meminjamkan sejumlah wang kepada DTA tanpa faedah sekiranya DTA mengalami defisit.
- **Tabarru'** bermaksud derma untuk tujuan kebajikan. Peserta menderma sebahagian sumbangan kepada DTA untuk membantu peserta lain.
- **Wakalah** merujuk kepada kontrak di mana satu pihak, sebagai prinsipal memberi kuasa kepada satu pihak yang lain sebagai wakilnya untuk melaksanakan tugas tertentu dalam hal-hal yang boleh diwakilkan, dengan atau tanpa mengenakan upah. Peserta memberi kuasa kepada Takaful Malaysia untuk menguruskan DTA dan sebagai balasannya, Takaful Malaysia akan menerima yuran Wakalah.

## 2 Ketahui Perlindungan Anda

Sebagai ilustrasi, untuk **RM3,534.02 (Pelan Flex)** setahun, anda akan menerima perlindungan asas sijil Takaful myProton e.MAS Care seperti berikut:

Jumlah Perlindungan	<b>RM120,000</b>
Kelayakan Diskaun Tanpa Tuntutan	<b>0%</b>
Perlindungan Tambahan (Ini disertai dengan sumbangan takaful tambahan)	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Cermin Depan, Tingkap dan Perlindung Matahari Kenderaan dengan jumlah perlindungan: RM2,000;</li> <li>• Kemasukan Peril Khas;</li> <li>• Pampasan untuk Tempoh Pembaikan yang Dianggarkan (CART) / Kehilangan Kegunaan - (Sehingga 21 hari x RM200);</li> <li>• Penjagaan Kunci (Penggantian Kunci) (Pelan 1);</li> <li>• Liabiliti Undang-undang terhadap Penumpang;</li> <li>• Liabiliti Undang-undang akibat Kecuaian Penumpang;</li> <li>• Mogok, Rusuhan dan Kekecohan Awam;</li> <li>• Khidmat Tunda dan Pembersihan kerana Kerosakan disebabkan Air (Pelan 1).</li> </ul>

### Sijil asas Takaful myProton e.MAS Care anda melindungi:

- Kerugian atau kerosakan ke atas kenderaan anda disebabkan oleh kemalangan, kebakaran atau kecurian;
- Liabiliti anda atau pemandu yang dibenarkan kepada pihak ketiga untuk:
  - o Kecederaan tubuh badan atau kematian; dan
  - o Kerugian atau kerosakan harta benda.
- Kemalangan Peribadi Motor - sehingga RM10,000 (hanya terpakai kepada pemandu dan penumpang)
- Tiada Penambahbaikan sehingga 10 tahun;
- Nilai yang Dipersetujui sehingga 10 tahun;
- Semua Pemandu;
- Tiada Ekses Tuntutan Kerosakan;
- Perlindungan Pengecas Dinding Rumah dan Kabel – RM5,000;
- Tunda Tanpa Had – Jarak perjalanan Tanpa Had (termasuk Kemalangan)

### Pengecualian sijil Takaful myProton e.MAS Care anda:

- Liabiliti terhadap tuntutan oleh penumpang kenderaan anda melainkan jika diambil sebagai perlindungan tambahan;
- Kerugian daripada penggunaan kenderaan anda melainkan jika diambil sebagai perlindungan tambahan;
- Kerugian, kerosakan atau liabiliti yang timbul daripada kejadian semula jadi seperti banjir, ribut atau tanah runtuh melainkan jika diambil sebagai perlindungan tambahan; atau
- Susut nilai, haus dan lusuh, karat dan hakisan, kerosakan atau kegagalan mekanikal/elektronik.

**Nota:** Senarai ini **tidak menyeluruh**. Sila rujuk sijil untuk senarai penuh pengecualian yang terdapat di bawah sijil ini.

Jika anda mempunyai soalan atau memerlukan bantuan mengenai Takaful myProton e.MAS Care anda, anda boleh:



Hubungi kami di:  
1-300 88 252 385



Layari kami di:

[www.takaful-malaysia.com.my/products/takaful-mymotor/](http://www.takaful-malaysia.com.my/products/takaful-mymotor/)



E-mel kami di:

[csu@takaful-malaysia.com.my](mailto:csu@takaful-malaysia.com.my)

### 3 Ketahui Kewajipan Anda

Untuk sijil Takaful myProton e.MAS Care ini, anda mesti membuat sumbangan takaful sebanyak:	
Sumbangan asas takaful	<b>RM3,534.02</b>
(-) 0% Kelayakan Diskaun Tanpa Tuntutan	RM0.00
(+) Perlindungan tambahan	
<ul style="list-style-type: none"> <li>• Cermin Depan, Tingkap dan Perlindung Matahari Kenderaan dengan jumlah perlindungan: RM2,000;</li> <li>• Kemasukan Peril Khas;</li> <li>• Khidmat Tunda dan Pembersihan kerana Kerosakan disebabkan Air (Pelan 1).</li> <li>• Pampasan untuk Tempoh Pembaikan yang Dianggarkan (CART) / Kehilangan Kegunaan - (Sehingga 21 hari x RM200);</li> <li>• Penjagaan Kunci (Penggantian Kunci) (Pelan 1);</li> <li>• Liabiliti Undang-undang terhadap Penumpang;</li> <li>• Liabiliti Undang-undang akibat Kecuaian Penumpang;</li> <li>• Mogok, Rusuhan dan Kekecohan Awam;</li> </ul>	RM300.00 RM240.00 RM20.00 RM420.00 RM20.00 RM56.70 RM7.50 RM360.00
<b>Jumlah sumbangan takaful</b>	<b>RM4,958.22</b>
Yuran Wakalah (sebahagian daripada jumlah sumbangan takaful <b>RM4,958.22</b> )	<b>30%</b> daripada jumlah sumbangan takaful atau <b>RM1,487.47</b> , di mana: <ul style="list-style-type: none"> <li>• Komisen <b>10%</b> daripada jumlah sumbangan takaful atau <b>RM495.82</b></li> <li>• Perbelanjaan Pengurusan <b>20%</b> daripada jumlah sumbangan takaful atau <b>RM991.64</b></li> </ul>
(+) 8% Cukai Perkhidmatan	RM396.66
(+) Duti Setem	RM10.00
<b>Jumlah takaful yang perlu dibayar</b>	<b>RM5,364.88</b>

### MAKLUMAT PENTING YANG PERLU ANDA KETAHUI

<b>A</b>	Tempoh perlindungan adalah selama satu (1) tahun. Anda perlu memperbaharui perlindungan takaful setiap tahun.
<b>B</b>	Takaful ini hanya akan berkuat kuasa setelah anda membayar sumbangan (tunai sebelum perlindungan).
<b>C</b>	Anda mesti memastikan kenderaan anda dilindungi berdasarkan nilai pasaran kenderaan anda pada waktu anda memohon sijil takaful motor ini dengan merujuk kepada <i>Insurance Services Malaysia (ISM) Automotive Business Intelligence System (ABI)</i> kerana ia akan mempengaruhi jumlah yang boleh anda tuntutan.
<b>D</b>	Sekiranya berlaku kemalangan, anda hendaklah memaklumkan kepada kami secepat mungkin. Anda boleh berbuat demikian dengan menghubungi kami melalui: <ol style="list-style-type: none"> <li>1. Cawangan: Senarai Penglibatan Pelanggan yang merangkumi cawangan dan pusat panggilan <a href="http://www.takaful-malaysia.com.my/hubungi-kami/">www.takaful-malaysia.com.my/hubungi-kami/</a></li> <li>2. Talian Unit Khidmat Pelanggan (CSU): 1-300 80 2525</li> <li>3. E-mel: <a href="mailto:csu@takaful-malaysia.com.my">csu@takaful-malaysia.com.my</a></li> <li>4. Dalam Talian: <a href="http://www.takaful-malaysia.com.my/panduan-tuntutan/">www.takaful-malaysia.com.my/panduan-tuntutan/</a></li> <li>5. Aplikasi Tele Bantuan</li> <li>6. Bengkel Panel Takaful Malaysia: Untuk Tuntutan Kerosakan Sendiri (OD) dan Tuntutan Kerosakan Sendiri <i>Knock-for-Knock (ODKFK)</i></li> </ol> Proses Tuntutan: <ul style="list-style-type: none"> <li>• Hubungi Bantuan Khidmat Pelanggan Proton di 1-800-88-8398 untuk bantuan kemalangan, penundaan atau kerosakan kenderaan;</li> <li>• Kumpulkan bukti;</li> <li>• Buat laporan polis dalam tempoh dua puluh empat (24) jam;</li> <li>• Maklumkan kepada kami dalam tempoh tujuh (7) hari dari tarikh kemalangan; dan</li> <li>• Hantar kenderaan anda ke bengkel panel pilihan terdekat yang diluluskan oleh kami <a href="http://www.takaful-malaysia.com.my/senarai-panel/">www.takaful-malaysia.com.my/senarai-panel/</a>.</li> </ul>
<b>E</b>	Jika kenderaan anda terlibat dalam kemalangan, anda perlu menghantar kenderaan yang rosak ke: <ul style="list-style-type: none"> <li>• Bengkel pembaikan kenderaan yang terdapat dalam panel bengkel yang diluluskan oleh kami;</li> <li>• Bengkel pembaikan kenderaan yang berdaftar dengan Jabatan Pengangkutan Jalan (JPJ); atau</li> <li>• Mana-mana bengkel pembaikan yang lain telah kami berikan kelulusan khas kepada anda untuk digunakan.</li> </ul>
<b>Nota:</b> Senarai ini <b>tidak menyeluruh</b> . Anda perlu rujuk kepada sijil untuk terma dan syarat penuh di bawah sijil ini.	

### ? Bolehkah saya membatalkan sijil saya?

Boleh. Anda boleh membatalkan sijil anda pada bila-bila masa dengan memberikan notis bertulis kepada CSU kami melalui e-mel, dengan mengunjungi mana-mana Takaful myCare Centres (TMCC) atau ejen yang sah, atau melalui portal [myTakaful Customer](http://myTakaful.Customer). Selepas pembatalan, anda layak mendapat pemulangan secara prorata daripada sumbangan dengan syarat anda tidak membuat sebarang tuntutan. Tiada yuran pembatalan akan dikenakan.

Syarikat Takaful Malaysia Am Berhad [201701032316 (1246486-D)] adalah dilesenkan di bawah Akta Perkhidmatan Kewangan Islam 2013 dan diselia oleh Bank Negara Malaysia.

**MANFAAT-MANFAAT YANG DIBAYAR DI BAWAH PRODUK YANG LAYAK ADALAH DILINDUNGI OLEH PERBADANAN INSURANS DEPOSIT MALAYSIA (PIDM) SEHINGGA HAD PERLINDUNGAN. SILA RUJUK BROSUR SISTEM PERLINDUNGAN MANFAAT TAKAFUL DAN INSURANS (TIPS) PIDM ATAU HUBUNGI TAKAFUL MALAYSIA ATAU PIDM (LAYARI [WWW.PIDM.GOV.MY/MY](http://WWW.PIDM.GOV.MY/MY)).**